

**NO.SOALAN: 423**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [ PADANG SERAI ]**

**RUJUKAN : 9458**

**SOALAN:**

**Tuan N. Surendran [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian dalam penjara di seluruh Malaysia dari 2005 hingga 2016 menurut pecahan umur berikut iaitu 15 hingga 25, 25 hingga 35, 35 hingga 45, 55 hingga 65, 65 dan lebih.

## **JAWAPAN:**

**Untuk makluman, statistik Jabatan Penjara bagi tahun 2005 sehingga 3 Oktober 2016 menunjukkan seramai 2,999 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa penghuni berkaitan menerima rawatan lanjut yang disebabkan masalah kesihatan seperti HIV, jantung, paru-paru dan lain-lain.**

**Dalam hal ini, Ketua Pengarah Penjara juga telah menetapkan satu prosedur bahawa bagi setiap kes kematian, ianya haruslah dilaporkan kepada pihak Polis, *Hakim Coroner*, serta selanjutnya akan dilaksanakan *coroner visit*. Selepas itu, satu bedah siasat akan dilakukan dan laporan *post-mortem* akan dimaklumkan kepada ahli keluarganya. Bagi banduan bukan warganegara Malaysia, laporan tersebut akan dimaklumkan kepada pihak kedutaan Negara banduan tersebut untuk tindakan selanjutnya.**